

16 inisiatif elak tren bertembung

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Mei 25, 2022 @ 6:39pm
fidahruzki@bh.com.my



Tren LRT yang terbabit dalam kemalangan, Mei tahun lalu. - Foto FB WEE KA SIONG

PUTRAJAYA: Setahun selepas insiden pelanggaran tren Transit Aliran Ringan (LRT) dalam terowong bawah tanah di antara Stesen KLCC dan Stesen Kampung Baru pada 24 Mei tahun lalu, pengendali perkhidmatan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan Rapid Rail melaksanakan 16 daripada 23 inisiatif penambahbaikan yang disyorkan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata ketika ini, pengendali sedang melaksanakan tujuh lagi inisiatif jangka panjang dan semuanya dijangka selesai akhir tahun ini, mengikut jadual.

Beliau berkata, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memantau rapi perkembangan terhadap usaha Prasarana dan Rapid Rail melaksanakan 23 inisiatif yang disyorkan Jawatankuasa Siasatan, pada 9 Jun tahun lalu.

"Bagi memantapkan 23 inisiatif sedia ada, pihak Prasarana dan Rapid Rail sudah menambah tiga lagi langkah penambahbaikan.

"Ia termasuk pemasangan kamera litar tertutup di dalam Pusat Arahan Operasi (OCC) yang siap pada 27 Julai 2021, meningkatkan tahap boleh lihat (visibility) penanda sektor landasan dan pemasangan papan tanda di dalam terowong yang siap pada 30 November 2021 dan menaik taraf sistem komunikasi radio kepada digital sepenuhnya yang akan bermula pada suku keempat 2022.

"Kementerian Pengangkutan memperuntuk RM450 juta bagi inisiatif-inisiatif penambahbaikan ini," katanya pada sidang media Mengenai Status 23 Cadangan penambahbaikan perkhidmatan LRT Kelana Jaya pasca insiden pelanggaran pada 24 Mei 2021.

Beliau berkata, daripada dana itu, sebanyak 80 peratus atau RM350 juta diperuntuk kepada sistem pengesanan tren elektronik 'time-out' bagi memudahkan pengesanan tren.

Katanya, ia berikutan, laluan Kelana Jaya yang beroperasi sejak 1998 itu menggunakan sistem lama.

Antara inisiatif jangka panjang lain yang juga sedang dijalankan termasuk kursus latihan dan pensijilan semula secara berkala, bagi mengekalkan kecekapan pengawal OCC dan pemandu (hostler); melaksanakan kajian dan penilaian RAMS (reliability, availability, maintainability and safety) ke atas sistem tren dan aset Prasarana dan Rapid Rail serta memperkenalkan 'hot button' untuk mempermudah kawalan OCC ke atas tren semasa situasi kritikal.

Pertembungan pada 24 Mei tahun lalu, pertama kali dalam sejarah 23 tahun perkhidmatan LRT itu mencederakan 213 penumpang, termasuk 166 penumpang yang mengalami kecederaan ringan dan 47 lagi cedera parah.



LRT untuk laluan Kelana Jaya Line kembali beroperasi dengan penambahbaikan. - Foto NSTP/GENES GULITAH